

XEPA-BETA V CREAM

Betamethasone 0.1% w/w (as Betamethasone Valerate)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Xepa-BetaV Cream
2. Bagaimana Xepa-BetaV Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Xepa-BetaV Cream
4. Cara menggunakan Xepa-BetaV Cream
5. Semasa menggunakan Xepa-BetaV Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Xepa-BetaV Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Xepa-BetaV Cream

Xepa-BetaV Cream melegakan masalah keradangan dan gatal-gatal yang responsif kepada steroid termasuk: ekzema, psoriasis, kelemumur, tindak balas alahan, gigitan serangga, ruam panas dan lain-lain keadaan.

Bagi kanak-kanak berumur melebihi satu tahun, Xepa-BetaV Cream digunakan untuk keadaan kulit yang tidak bertambah baik selepas menggunakan krim atau salap steroid yang kurang kuat.

Bagaimana Xepa-Beta Cream berfungsi

Xepa-BetaV Cream tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai steroids. Steroids membantu mengurangkan kemerahan, bengkak dan iritasi kulit

Sebelum menggunakan Xepa-BetaV Cream

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini untuk merawat masalah-masalah kulit yang berikut kerana ia mungkin menyebabkan keadaan bertambah teruk:

- jangkitan kulit (kecuali jangkitan itu sedang dirawat dengan sejenis ubat anti-infektif pada masa yang sama)
- jerawat
- kemerahan muka
- ruam di sekeliling mulut
- kulit gatal yang tidak radang
- gatal-gatal di sekeliling dubur atau bahagian kemaluan (zakar dan faraj)
- bagi kanak-kanak berumur kurang daripada 1 tahun

Jika anda rasa mana-mana di atas merupakan situasi yang anda alami, jangan gunakan Xepa-BetaV Cream sehingga anda telah berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

-Sebelum menggunakan Xepa-BetaV Cream

Jika anda hamil, atau rasa anda mungkin hamil, atau anda merancang untuk hamil, jangan gunakan Xepa-BetaV Cream tanpa berjumpa dengan doktor anda terlebih dahulu.

Jika anda sedang menyusukan anak, anda mesti berjumpa dengan doktor anda sebelum anda menggunakan Xepa-BetaV Cream.

Jika anda menggunakan Xepa-BetaV Cream semasa menyusukan anak, jangan gunakan Xepa-BetaV Cream pada bahagian payudara untuk memastikan bayi anda tidak tertelan Xepa-BetaV Cream dengan tidak sengaja.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat boleh menjejaskan cara Xepa-BetaV Cream berfungsi atau meningkatkan kemungkinan anda mengalami kesan-kesan sampingan. Contoh-contoh ubat ini termasuk: Ritonavir (anti-virus) dan itraconazole (anti-kulat).

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil salah satu daripada ini. Terdapat ubat-ubatan lain yang mungkin mempunyai kesan yang sama. Oleh itu, adalah sangat penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat-ubatan lain, jika anda telah mengambil sebarang ubat-ubatan kebelakangan ini, atau jika anda mula mengambil ubat baru. Ini termasuk ubat-ubatan yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Xepa-BetaV Cream

-Berapa banyak harus digunakan

Bagaimana digunakan

- Sapukan satu lapisan nipis dan gosokkan dengan lembut, hanya mencukupi untuk meliputi seluruh bahagian yang terjejas.
- Cuci tangan anda selepas penggunaan kecuali jika tangan anda merupakan bahagian rawatan.
- Jika anda juga sedang menggunakan penyediaan emolien (pelembap), berikan masa untuk penyerapan Xepa-BetaV Cream selepas setiap penggunaan sebelum menggunakan emolien.

Jika ekzema anda berulang dengan kerap, doktor anda mungkin akan mencadangkan anda supaya menggunakan dos apabila diperlukan, untuk membantu mencegah berlakunya ekzema lagi.

Misalnya, anda mungkin akan dinasihatkan untuk sapukan satu lapisan nipis Xepa-BetaV Cream sekali sehari, dua kali seminggu pada bahagian-bahagian kulit yang pernah diserang oleh ekzema, atau pada bahagian-bahagian di mana ia mungkin muncul semula. Dalam lesi yang lebih susah dirawat, seperti plak psoriasis yang tebal pada siku dan lutut, kesan Xepa-BetaV Cream dapat dipertingkatkan, jika perlu, dengan membalut kawasan rawatan dengan filem politena.

-Bila perlu digunakan

Gunakan Xepa-BetaV Cream sekali atau dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

-Berapa lama perlu digunakan

Guna sehingga 4 minggu sampai ia bertambah baik, maka doktor anda mungkin mengurangkan kekerapan atau doktor anda mungkin bagi steroid yang kurang kuat untuk digunakan apabila kulit anda menjadi lebih baik.

Sekiranya keadaan anda tidak bertambah baik selepas 2-4 minggu rawatan, berbincang dengan doktor anda.

Jika anda menggunakan Xepa-BetaV Cream secara tetap, pastikan anda berbincang dengan doktor anda sebelum anda berhenti menggunakannya.

Terapi dengan Xepa-BetaV Cream perlu dihentikan secara beransur-ansur.

-Jika terlupa menggunakannya

Guna secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Dos seterusnya diguna mengikut masa yang telah ditetapkan.

Jangan gunakan Xepa-BetaV Cream berlebihan untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda sapukan Xepa-BetaV Cream dalam kuantiti yang banyak atau tertelan Xepa-BetaV Cream dalam kuantiti yang banyak secara tidak sengaja, ia boleh menyebabkan anda tidak sihat.

Jika anda tertelan Xepa-BetaV Cream dalam kuantiti yang banyak, bilaskan mulut anda dengan air yang banyak dan hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk dapatkan nasihat.

Semasa menggunakan Xepa-BetaV Cream

-Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Xepa-BetaV Cream. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali dinasihatkan oleh doktor anda. Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda. Jangan beri Xepa-BetaV Cream kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom-simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati dengan Xepa-BetaV Cream

- Beritahu doktor anda jika anda alah (hipersensitif) terhadap *betamethasone* atau mana-mana bahan kandungan yang tersenarai.
- Jika anda mengalami penglihatan yang kabur atau gangguan visual lain, jangan memandu atau mengoperasi mesin dan berbincang dengan doktor anda
- Berhati-hati semasa sapukan Xepa-BetaV Cream pada kelopak mata untuk memastikan ia tidak masuk ke dalam mata anda.
- Berhati-hati semasa sapukan Xepa-BetaV Cream pada muka untuk jangka masa yang panjang kerana ia boleh menyebabkan penipisan kulit.
- Jika anda mempunyai ulser kaki jangka panjang, penggunaan corticosteroid topikal mungkin meningkatkan risiko reaksi alahan atau jangkitan di sekeliling ulser itu.
- Hanya gunakan pembalut kedap udara di atas ubat ini jika diarahkan oleh doktor anda. Jika kamu sapukan Xepa-BetaV Cream di bawah pembalut kedap udara, termasuk lampin kanak-kanak, pastikan kulit itu telah dibersihkan sebelum pembalut baru dipasangkan untuk mencegah jangkitan. Hubungi doktor anda jika jangkitan berlaku.
- Semasa menggunakan Xepa-BetaV Cream, jangan merokok atau mendekati nyala api kerana risiko luka bakar yang teruk. Fabrik (pakaian, alas tempat tidur, kain pembalut dan sebagainya) yang bersentuhan dengan produk ini lebih mudah terbakar dan adalah bahaya kebakaran yang serius. Mencuci pakaian dan alas tempat tidur boleh mengurangkan penumpukan

produk tetapi tidak menghapuskan sepenuhnya.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Xepa-BetaV Cream boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan tetapi bukan setiap orang akan mengalaminya. Kesan-kesan sampingan akan menjejaskan kulit anda dan mungkin menjejaskan bahagian badan yang lain jika satu kuantiti ubat yang mencukupi telah diserap melalui kulit dan masuk ke dalam saluran darah anda.

Jika keadaan kulit anda bertambah teruk atau kulit anda membengkak semasa rawatan, anda mungkin mempunyai alahan kepada ubat ini, jangkitan atau memerlukan rawatan lain.

Berhenti menggunakan Xepa-BetaV Cream dan beritahu doktor anda secepat mungkin.

Kesan-kesan sampingan yang lazim berlaku

Ini mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang

- kulit gatal
- kulit pedih atau sakit

Kesan-kesan sampingan sangat jarang berlaku

Ini mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 10,000 orang

Penggunaan Xepa-BetaV Cream untuk satu jangka masa yang panjang, atau penggunaan di bawah pembalut kedap udara, mungkin menyebabkan gejala-gejala berikut:

- berat badan meningkat
- muka bulan/muka menjadi bulat
- obesiti
- penipisan kulit, atau kesan regangan kulit
- kulit berkedut
- kulit menjadi kering
- kemunculan saluran darah di bawah permukaan kulit anda
- perubahan pigmentasi kulit
- bulu badan bertambah
- rambut gugur/kekurangan pertumbuhan rambut/rambut kelihatan rosak

Reaksi-reaksi kulit lain yang sangat jarang yang mungkin berlaku ialah:

- reaksi alahan pada bahagian penggunaan
- keadaan bertambah teruk
- iritasi pada bahagian penggunaan
- kemerahan
- ruam atau geligata

- jika anda mempunyai psoriasis, anda mungkin mengalami lebam yang bernanah di bawah kulit. Ini mungkin berlaku dengan amat jarang semasa atau selepas rawatan dan dikenali sebagai psoriasis pustular
- jangkitan kulit

Untuk kanak-kanak, juga perhatikan tanda-tanda berikut:

- pertambahan berat badan tertangguh
- tumbesaran yang perlahan

Kesan-kesan sampingan yang sangat jarang berlaku yang mungkin dikesan dalam ujian darah atau semasa doktor anda menjalankan pemeriksaan perubatan

- penurunan tahap hormon kortisol dalam darah anda
- peningkatan tahap gula dalam darah atau kencing anda
- tekanan darah tinggi
- pengaburan kanta mata (katarak)
- peningkatan tekanan di dalam mata (glaukoma)
- pelemahan tulang (*osteoporosis*).

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika sebarang kesan sampingan yang tersenarai bertambah teruk atau menyusahkan, atau jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak tersenarai dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Xepa-BetaV Cream

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim putih dan tidak berbau yang larut dalam air. Boleh didapati di dalam tiub aluminium 15g.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Betamethasone (sebagai *Betamethasone Valerate*).

-Bahan tidak aktif

White Soft Paraffin, Cetostearyl Alcohol, Purified Water, Cetomacrogol 1000, Liquid Paraffin, Disodium Hydrogen Phosphate, Chlorocresol dan Citric Acid.

-Nombor MAL

Xepa-BetaV Cream

MALxxxxxxAZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06-Mar-2026

Nombor Siri:

NPRA (R2) 25/074